

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
(JANMPP)
BAGI BULAN JANUARI 2024

1. Majlis Amanat Tahun Baharu 2024, Akauntan Negara Malaysia – 11.01.2024
2. Kursus Pemantapan Naziran Pengurusan Aset dan Liabiliti – 15.01 2024
3. Bengkel Pemurnian Laporan Naziran Perakaunan Akruan – 16 – 17 Januari 2024
4. Taklimat Perakaunan Akruan Oleh PPPA- Penilaian Semula Aset Dan Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia Asas Akruan (MPSAS 33) Anjuran Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) – 30.01.2024
5. Kunjungan Hormat Bank CIMB Ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang - 30.01.2024

LAPORAN AKTIVITI BULANAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

BAGI BULAN JANUARI 2024

1. MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2024, AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA – 11.01.2024

Satu Amanat Tahun Baharu 2024, Akauntan Negara Malaysia telah diadakan pada 11 Januari 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7 Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Warga JANM Pulau Pinang telah bersama-sama mengikuti dan mendengar amanat dari YBrs Akauntan Negara Malaysia sempena tahun baru 2024 ini secara atas talian yang bermula pada jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi di Bilik Mesyuarat Kesidang JANMPP.

Hebahan Program

MAJLIS
AMANAT TAHUN BAHARU 2024
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Tarikh
11 Januari 2024
(Khamis)

Tempat
Dewan Serbaguna JANM,
Aras 7

Masa
8:30 Pagi

PUAN NOR YATI BINTI AHMAD C.A.(M)
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

MALAYSIA MADANI

www.anm.gov.my | Jabatan Akauntan Negara Malaysia official_janm Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Gambar-gambar semasa majlis Amanat:



2. KURSUS PEMANTAPAN NAZIRAN PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI – 15.01 2024

Satu kursus dalaman JANMPP telah diadakan pada 15.01.2024 yang melibatkan 16 pegawai JANMPP dari unit Naziran dan unit Pengurusan Aset yang telah dipengerusikan oleh Puan Siti Suraya binti Mohd Yatim, Timbalan Pengarah JANMPP. Kursus ini bertujuan untuk membincangkan kriteria dan tatacara pengauditan aset tak alih - tanah dan bangunan bagi tujuan naziran tahun 2024 secara praktikal bagi pengeksekusan data PTJ.

Gambar-gambar semasa Kursus dijalankan :



3. BENGKEL PEMURNIAN LAPORAN NAZIRAN PERAKAUNAN AKRUAN – 16 – 17.01.2024

Pada 16 hingga 17 Januari 2024, satu Bengkel Pemurnian Laporan Naziran Perakaunan Akruan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Kesidang Tingkat 42, JANMPP. Bengkel ini telah dihadiri oleh 11 pegawai dari unit Naziran yang bertujuan untuk membincangkan isu-isu penemuan naziran tahun 2023 dan untuk menyeragamkan laporan-laporan naziran.

Gambar-gambar semasa Kursus dijalankan :



4. TAKLIMAT PERAKAUNAN AKRUAN OLEH PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (PPPA) - PENILAIAN SEMULA ASET DAN PEMAKAIAN KALI PERTAMA PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA ASAS AKRUAN (MPSAS 33) ANJURAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) – 30.01.2024

Pada 30.01.2024 jam 9.00 pagi Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA) telah mengadakan satu taklimat secara atas talian yang bertajuk Penilaian Semula Aset Dan Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia Asas Akruan (MPSAS 33). Taklimat ini telah diadakan di Bilik Latihan Tingkat 40 JANMPP yang telah dihadiri oleh sebahagian warga JANMPP.

Gambar-gambar semasa taklimat dijalankan :



5. KUNJUNGAN HORMAT BANK CIMB KE JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG - 30.01.2024

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menerima kunjungan hormat daripada pihak CIMB bank Prangin yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Kesidang JANMPP pada 30.01.2024 pada jam 2.45 petang. Tujuan kunjungan hormat ini adalah bagi mewujudkan kerjasama strategik di antara JANMPP dan CIMB bank.

Gambar-gambar semasa kunjungan :

